

# Sekilas Senyuman



## **Cetakan 2017**

Hak cipta terpelihara @2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

## **Diterbitkan oleh:**

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura  
Lelaman Internet: [www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg)



## **Dicetak pada tahun 2017 oleh:**

Oxford Graphic Printers Pte Ltd  
Tel: 6748 3898  
[www.oxfordgraphic.com.sg](http://www.oxfordgraphic.com.sg)

## **Penulis**

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura  
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng  
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunos  
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau  
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

## **Catatan**

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

## **Sekapur Sirih**

**Benih** merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

## **Mohamed Noh Daipi**

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

## Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah  
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**


# SEKILAS SENYUMAN

Arfah Buang

**H**ana, mana buku awak? Mengapa awak tidak membawa buku? Sudah tiga minggu penggal bermula, awak masih belum membelinya lagi? Bagaimana awak hendak membuat latihan?"

Suara lantang Cikgu Azizah memecahkan kesunyian dibilik darjah bagi halilintar membelah bumi. Hana Sufiyah Arifin hanya mampu menundukkan kepalanya dan membisu sahaja. Pipinya kemerah-merahan. **Kerlingan** beberapa orang rakan sedarjahnya terasa bagaikan anak panah yang tepat menusuk hati kecilnya. Betapa relanya Hana jika bumi di bawah tapak kakinya menelan tubuhnya yang kerdil pada saat itu.

Sebaik-baik sahaja kelas Bahasa Melayu berakhir, Hana **bergegas** ke luar bilik darjah yang membahang itu. Beberapa orang murid perempuan menyusuli langkahnya yang pantas.



"Hana, mengapa awak tidak membawa buku lagi?" tanya Huda sambil menepuk bahu Hana.

"Hampir setengah jam Cikgu membebel," tambah Ain dengan nada kesal.

"Yalah, Hana. Lain kali, bawalah buku. Lagipun, bukannya berat sangat buku itu," sindir Qadirah.

"Maafkan saya, kawan-kawan. Saya tidak bermaksud untuk menyebabkan gangguan di kelas tadi," jawab Hana sebelum meminta diri untuk ke perpustakaan.

Hana meletakkan beg lalu melabuhkan punggungnya di kerusi. **Keharuan** jelas kelihatan di wajahnya. Dia mencapai buku nota dari dalam begnya yang kelihatan lusuh itu lalu mula mencoret tanpa henti. Segala perasaan yang **membongkah** di dalam hatinya diluahkan ke dalam buku nota peribadinya. Mata penanya rancak menari sebelum terhenti apabila loceng yang menandakan waktu rehat sudah tamat berbunyi. Hana meragut tali begnya lalu segera beredar. Di muka pintu perpustakaan, dia melewati Irfan Izzuddin yang pada ketika itu sedang menyusun majalah-majalah sukan yang berselerak di atas meja.

Irfan memulangkan majalah-majalah itu ke tempat asalnya. Dia juga perlu segera kembali ke kelas. Selang beberapa tapak, matanya tertumpu pada sesuatu.

Irfan **menjongkok** untuk mengambil sebuah buku nota yang terbiar di lantai. Hatinya tercuit untuk mengintai beberapa halaman yang terkandung dalam buku nota yang terdedah itu.

*“Bagaimanakah harus aku menerangkan keadaan yang sebenar? Aku sudah cuba mendapatkan wang daripada ibu untuk membeli bahan keperluan sekolah. Namun, saban hari aku disuruh bersabar. Wang yang ada di tangan ibu hanya cukup untuk membeli keperluan rumah dan membayar bil air dan elektrik. Ayah masih belum mendapat pekerjaan. Apakan daya, terpaksa lah aku menahan cemuhan rakan-rakan yang tidak tahu kedudukan sebenarku. Mungkin mereka menyangka bahawa aku sengaja mahu mengundang kemarahan Cikgu...”*

Irfan amat mengerti pernyataan yang tercatat itu kerana dia juga berada di kelas Bahasa Melayu yang sama dengan penulisnya.


Selepas tamat waktu sekolah, Hana menuju ke lokarnya. Dia terperanjat melihat buku notanya berada di atas lokarnya. Sekeping kertas **tersembul** dari buku nota itu. Hana menariknya perlahan lalu membaca kata-kata ringkas oleh sang penulis misteri dengan hati yang bergetar.

*“Hana, terimalah wang ini untuk membeli buku aktiviti.”*

Apabila Hana membuka buku aktivitinya, dia mendapati wang bernilai sepuluh dolar terselit di dalamnya. Dia menutup buku nota itu lalu mendakapnya erat.

*“Hana, pulangkan buku-buku tulis yang sudah saya periksa ini kepada kawan-kawan awak.”*

Perintah Cikgu Azizah segera dilaksanakan oleh Hana. Dia memulangkan buku-buku itu dari meja ke meja. Hana terhenti apabila membaca nama yang tertera pada kulit buku aktiviti yang terakhir. Tulisannya sama dengan tulisan pada kertas yang mengiringi buku nota kepunyaannya yang dipulangkan pada minggu lalu. Dia membelek halaman pertama buku aktiviti itu dengan penuh minat untuk mendapatkan kepastian. Hana menuju ke meja Irfan.



"Terima kasih. Tetapi, mengapa?" tanya Hana.

Irfan memancarkan **sekilas** senyuman sebelum arus kenangan silam membawanya mengimbas sebuah peristiwa lalu. Dia teringat waktu dia diherdik oleh Puan Saripah kerana gagal dalam ujian Matematik di koridor di luar bilik guru.

Dalam perjalanan pulang ke bilik darjah, Irfan diejek oleh beberapa orang murid lelaki yang menyaksikan adegan itu.

"Hai, budak! Kesiannya, gagal lagi!" kata seorang.

"Oh, ini dia rupanya! Budak fail, budak fail," tertawa



yang lain sambil menuding jari ke arah Irfan.

Irfan benar-benar terkesan dengan ejekan mereka. Tanpa pengetahuannya, ada seorang murid senior yang sedang memerhatikannya. Murid itu mendekatinya lalu menawarkan bantuan dengan ikhlas hati. Selama beberapa minggu, dia mengajar Irfan konsep-konsep Matematik yang kurang difahaminya selepas waktu sekolah dan menggalakkannya untuk berlatih, sehingga

dia dapat menguasai subjek yang pernah dibencinya dahulu. Pertolongan yang diterima Irfan itu ibarat air sejuk yang dihirup buat penghilang dahaga. Kini, giliran Irfan pula untuk menghulurkan bantuan kepada seseorang yang memerlukannya. **Kebetulan** orang yang dibantunya ialah Hana.

“Boleh saya bantu?” tanya Hana kepada seorang wanita lanjut usia yang dilihatnya berjalan dengan membawa bungkusan-bungkusan berat dari pasar di bawah terik mentari.

Pertanyaan Hana disambut oleh wanita itu dengan sekilas senyuman penuh penghargaan.

## **Renungan**

Tolong-menolong harus menjadi tunjang dalam kehidupan kita sehari-hari. Dalam kesibukan urusan sehari-hari, janganlah kita melepaskan peluang untuk berbuat baik terhadap orang lain.

Apakah renungan kamu mengenai perbuatan membantu orang lain?

## **Glosari**

1. **kerlingan** – pandangan dengan ekor mata ke kiri atau ke kanan; jelingan
2. **bergegas** – bergerak dengan cepat
3. **keharuan** – kegelisahan; keresahan; kerunsingan; kebimbangan
4. **membongkah** – membuku; perasan yang terganggu
5. **menjongkok** – membongkokkan badan (untuk mengambil sesuatu dan lain-lain lagi)
6. **tersebul** – tertonjol keluar
7. **sekilas** – seketika; sekejap; dalam masa yang singkat
8. **kebetulan** – keadaan (kejadian) yang terjadi secara tidak diduga

## **SEKALUNG BUDI**

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.





Ministry of Education  
SINGAPORE

